

SULIT



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

**PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2025
BAHASA MELAYU TINGKATAN 5**

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

1103/2(PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1103/2 © 2025 Hak Cipta MPSM-Selangor

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

Markah penuh: 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dan dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 10 markah

Soalan 4 : 5 markah

Soalan 5 : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja tak transitif berimbuhan awalan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja tak transitif berimbuhan awalan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja tak transitif berimbuhan awalan yang telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata kerja tak transitif berimbuhan awalan yang salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata kerja tak transitif berimbuhan awalan digunakan sebagai kata ganda, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata kerja tak transitif berimbuhan awalan

- (i) **bergerak**
 1. berangkat
 2. pergi
 3. menuju
- (ii) **menjadi**
 1. dipilih
 2. diangkat sebagai

- (iii) **terlibat**
1. termasuk (dalam sesuatu hal)
 2. terbabit
- (iv) **berinteraksi**
1. bertindak (berhubungan secara aktif) antara satu sama lain
 2. saling bertindak
- (v) **berkomunikasi**
1. berhubungan (secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon)
 2. mengadakan perhubungan (bercakap, berbincang, bertukar-tukar pendapat)

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

- (i) **Peningkatan kes kesihatan mental** menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- (ii) **Mereka yang mengalami kesihatan mental** akan melakukan tindakan berisiko di luar kawalan.
- (iii) **Stigma terhadap penyakit mental** perlu dihapuskan dalam kalangan masyarakat supaya penghidap kesihatan mental berani mendapatkan rawatan sewajarnya.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

	SALAH	BETUL
(i)	menghadkan	mengehadkan
(ii)	notifikasi	notifikasi
(iii)	lain-lain aktiviti	aktiviti-aktiviti lain
(iv)	demi untuk	demi / untuk
(v)	dari	daripada
(vi)	professional	profesional

[Maksimum: 6 markah]

Bahan 2

	SALAH	BETUL
(i)	tidaklah	bukanlah
(ii)	terancam	terjejas
(iii)	meningkat	meningkatkan
(iv)	guru berikan	diberikan oleh guru
(v)	pro-aktif	proaktif

[Maksimum: 4 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	5
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan <i>kurang</i> gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Baginda bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung, arahkan semua orang dan saudagar berkawal di kampung masing-masing!” Temenggung mengarahkan orangnya untuk memberitahu orang kaya-kaya dan saudagar supaya berkawal di kampung mereka. Setelah malam, Temenggung menyuruh orang-orangnya berkawal, terlalu banyak lembing perisai dan semua saudagar berkawal di kampung mereka.

[Maksimum: 5 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) ***bagai aur dengan tebing**
bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat / ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni / berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- (ii) ***seperti gunting dalam lipatan**
*seperti api dalam sekam / seperti musuh dalam selimut
- (iii) **genggam bara api biar sampai jadi arang**
alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan / alang-alang berdakwat biar hitam / alang-alang mandi, biar basah / alang-alang berminyak biar licin

[Maksimum: 6 markah]

*Nota

No. (i) : Perkataan **bagai** wajib ada untuk peribahasa **bagai aur dengan tebing**.

No. (ii) : Perkataan **seperti** wajib ada untuk peribahasa **seperti gunting dalam lipatan**.
Untuk jawapan, perkataan **bagai** / **laksana** / **bak** / **umpama** / **ibarat** boleh diterima.

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 13 markah

Soalan 7 : 12 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum**(i) Maksud inisiatif pencegahan**

- | | |
|---|---|
| - usaha/langkah/cara/tindakan/penolakan/pengawalan/pencegahan | 2 |
| - usaha/langkah/cara/tindakan pencegahan | 1 |
| - inisiatif penolakan/pengawalan/pencegahan | 1 |

(ii) Kesan-kesan**Bahan 1**

- P1 (akan) menjejaskan kesihatan
P2 (boleh) mengancam keselamatan pengguna

Bahan 2

- P3 mendedahkan mereka kepada kesan sampingan yang tidak dijangka
P4 (boleh) merosakkan organ dalaman

Bahan 3

- P5 (akan) mendedahkan pengguna kepada produk kesihatan yang dicampur racun terkawal
P6 menyukarkan pengguna untuk meneliti produk kesihatan yang dicemari unsur logam berat

Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Sebab-sebab

- P1 promosi oleh selebriti/pempengaruh media sosial
P2 lebih mudah membeli secara dalam talian
P3 tergodanya/terpengaruh dengan kesan pantas/segera/kejayaan testimoni
P4 sikap sambalewa dan tidak prihatin akan keselamatan produk
P5 iklan yang menarik/pembungkusan yang cantik
P6 kurang pendedahan kepada aplikasi/ laman semakan rasmi NPRA / kurang ilmu pengetahuan
P7 tiada masa untuk membuat semakan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 menasihati kakak supaya berhenti untuk menggunakan produk tersebut
P2 meminta kakak menyemak status pendaftaran produk dengan KKM atau NPRA
P3 membawa kakak berjumpa doktor jika terdapat kesan sampingan
P4 melaporkan kepada pihak berkuasa berkaitan produk itu
P5 berkongsi maklumat tentang bahaya bahan seperti merkuri dan paraben
P6 mencadangkan kakak membeli produk kecantikan yang diluluskan dan dijual di farmasi berlesen
P7 menunjukkan cara menyemak nombor pendaftaran produk
P8 menggalakkan kakak membuat rujukan dengan pakar kulit atau farmasi

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera**(i) Perkara yang ingin dilakukan oleh penyajak**

- P1 menyeberangi Laut China Selatan
- P2 melayari Lautan Teduh (Layari Lautan Teduh)
- P3 merentasi Lautan Sutera (rentasi Lautan Sutera)

[Maksimum : 2 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(ii) Keistimewaan-keistimewaan****Bahan 1**

- P1 alam semula jadinya yang indah
- P2 mempunyai banyak taman
- P3 Tapak Warisan Dunia
- P4 berpeluang untuk bertemu dengan mergastua Australia

Bahan 2

- P5 hujan gerimis di Kota London (gerimis di Kota London)
- P6 cuaca dingin/sejuk di Washington (angin dingin-tajam di Washington)
- P7 pohon-pohon/pokok-pokok hijau yang beraneka warna (pohon-pohon hijau atau aneka warna)

Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan.**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Sebab-sebab**

- P1 mengelakkan salah faham berkaitan dengan budaya penduduk tempatan
- P2 menunjukkan rasa hormat kepada penduduk tempatan
- P3 menjaga nama baik negara asal
- P4 menyesuaikan diri dengan suasana dan adat setempat
- P5 menunjukkan semangat perpaduan sejagat
- P6 menjadikan pengalaman melancong lebih menyeronokkan dan harmoni

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(iv) Persediaan-persediaan**

- P1 memastikan pasport belum tamat tempoh
- P2 menyediakan senarai semak dokumen dan barang-barang penting yang perlu dibawa
- P3 mengemas beg mengikut keperluan dan tempoh percutian
- P4 membuat jadual perjalanan atau itinerari
- P5 menukar mata wang asing secukupnya
- P6 menyemak ramalan cuaca
- P7 membeli insurans perjalanan untuk keselamatan
- P8 menyediakan ubat-ubatan dan kit kecemasan
- P9 memuat turun aplikasi peta dan penterjemah bahasa
- P10 membuat kajian tentang budaya/makanan halal/tempat menarik di negara tersebut
- P11 membawa pakaian yang sesuai

[Maksimum : 4 markah]**[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 8 – Novel

(i) Sikap penduduk kampung yang menjengkelkan Haji Sulaiman

- P1 Anak dara yang lain, entah ke mana-mana.
- P2 Tapi dah siang macam ni, tak nampak batang hidung orang kampung.
- P3 Entah ada orang datang entah tidak.
- P4 (Takutnya) orang terperap di rumah menonton televisyen.

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8(ii)

(ii) **Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
- (d) Bagi 1 markah bagi huraian/contoh yang lengkap/jelas bagi setiap isi. Huraian calon sama ada secara umum atau ada nama watak juga diperiksa seperti biasa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian/contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (j) Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
- (k) Calon boleh memilih mana-mana 2 buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

**Peristiwa yang boleh menimbulkan perasaan simpati pembaca.
Leftenan Adnan Wira Bangsa**

1. **Peristiwa:** Kematian Sophia yang menghidap penyakit leukemia menimbulkan perasaan simpati pembaca. Setelah empat tahun hidup bahagia bersama Ustaz Ridhwan, Sophia telah disahkan menghidapi penyakit leukemia tahap kritikal dengan rambut yang gugur dan badan yang semakin kurus. Namun, dia tetap kuat melawan kesakitan yang ditanggungnya tersebut.
Huraian: Tabah menempuhi apa-apa jua keperitan hidup walaupun berhadapan dengan ujian yang berat.
2. **Peristiwa:** Penduduk di Tanah Melayu yang hidup sengsara akibat kekurangan makanan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Mereka tidak dapat pergi bekerja atau keluar rumah kerana takut akan tentera Jepun yang sering bertindak kejam.
Huraian: Penderitaan hidup penduduk di Tanah Melayu kerana kekejaman penjajah.
3. **Peristiwa:** Pak Saidi yang mati dibunuh kerana melawan tentera Jepun. Pak Saidi telah menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris sedangkan tentera Jepun lebih ramai dan bersenapang. Pak Saidi telah membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi.
Huraian: Keberanian melawan musuh walaupun terpaksa berkorban nyawa.
4. **Peristiwa:** Pak Saidi dihina oleh Guru Besar Steward dengan mengatakan bahawa orang Melayu malas. Oleh sebab itu, orang Melayu hidup miskin.
Huraian: Penghinaan yang terpaksa ditanggung oleh seorang ayah demi memastikan anak-anaknya berjaya.
5. **Peristiwa:** Askar Melayu yang kekurangan senjata untuk menentang tentera Jepun. Permintaan mereka tidak dihiraukan apabila mereka meminta kelengkapan senjata daripada pihak Inggeris. Akibatnya, mereka telah kalah dan gugur di medan pertempuran.
Huraian: Pengorbanan askar atau pejuang yang terpaksa menentang pihak musuh tanpa senjata yang mencukupi.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

Tirani

1. **Peristiwa:** Waheeda melakukan pembedahan rekonstruksi atau pembinaan semula wajahnya. Waheeda telah melakukan pembedahan pada bahagian hidungnya yang pesek kerana mahu menjadi cantik dan berhidung mancung. Akibat daripada perbuatannya itu, dia dicemburui oleh rakannya, Bazilah dan dituduh curang oleh Zahid kerana anak yang dilahirkannya tidak secantiknya.

Huraian: Kehancuran rumah tangga kerana kecantikan

2. **Peristiwa:** Waheeda berasa sedih apabila Datuk Yasser, bapa mentuanya melabelkan dia sebagai manusia individualistik apabila enggan menerima cadangannya untuk menggabungkan Seri Gading dengan Tajau Emas.

Huraian: Anggapan negatif sedemikian tidak sepatutnya ada dalam fikiran bapa mentua terhadap menantu sehingga menyebabkan menantu bersedih.

3. **Peristiwa:** Waheeda mendapatkan khidmat kaunseling daripada Doktor Qamariah yang menasihati Waheeda agar dia menyedari kesilapan diri atas setiap perkara yang berlaku sehingga berlakunya perceraian dengan Zahid.

Huraian: Tekanan perasaan yang dihadapi oleh seorang isteri akibat perceraian.

4. **Peristiwa:** Zahid bertindak menceraikan Waheeda tanpa usul periksa setelah mendapati wajah bayi mereka langsung tidak mirip wajahnya atau Waheeda. Zahid tidak mahu melihat keputusan ujian DNA yang ditunjukkan oleh Waheeda.

Huraian: Keputusan seorang suami yang terburu-buru dan tanpa menyiasat untuk mengetahui perkara sebenar telah menyebabkan seorang isteri diceraikan.

5. **Peristiwa:** Ketidakhadiran Waheeda dalam majlis pertunangannya menyebabkan bapanya, Fadhil berang. Fadhil telah memarahi Raidah kerana keengganan Waheeda balik untuk majlis pertunangannya. Seluruh ahli keluarga terkesan dengan bebelan Fadhil. Hakikatnya, pada masa itu Waheeda tidak sihat kerana mengalami selesema yang membawa kesan buruk terhadap hidungnya yang runtuh kerana baru menjalani pembedahan.

Huraian: Kesihatan yang tidak mengizinkan menyebabkan ketidakhadiran dalam majlis pertunangan telah disalah anggap oleh semua pihak.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi — 20 markah
(b) Bahasa — 10 markah

- (a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung pada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	- Kesinambungan ayat yang <i>sangat</i> baik - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	- Kesinambungan ayat baik - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Markah isi merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

Pendahuluan [2 markah]

- P1 ... membincangkan punca-punca/sebab-sebab/faktor-faktor kurangnya kesedaran dalam pengurusan kewangan dan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara pengurusan kewangan 2
- P2 ... membincangkan punca-punca/sebab-sebab/faktor-faktor kurangnya kesedaran dalam pengurusan kewangan 1
- P3 ... membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara pengurusan kewangan 1

Isi [16 markah]

FOKUS 1: punca-punca/sebab-sebab/faktor-faktor kurangnya kesedaran dalam pengurusan kewangan

Bahan 1

- A1 sesetengah remaja tidak sedar tentang kepentingan pengurusan kewangan 2
- A2 gagal mengawal perbelanjaan secara berhemah 2
- A3 kelemahan dalam merancang bajet peribadi 2
- A4 keinginan untuk tidak ketinggalan dalam kumpulan sosial 2

Bahan 2

- B1 terperdaya oleh iklan yang menggoda 2
- B2 tiada ilmu mengurus kewangan 2

FOKUS 2: langkah-langkah/ usaha-usaha/ cara-cara menerapkan pengurusan kewangan

Bahan 1

- C1 menyisihkan sebahagian daripada pendapatan untuk tabungan 2
- C2 mereka merekodkan setiap perbelanjaan 2
- C3 remaja (boleh) mendapatkan nasihat dan bantuan ibu bapa 2
- C4 remaja juga boleh membeli barangan yang menawarkan potongan harga 2
- C5 membeli barangan yang dihajati dengan harga yang berpatutan 2

Bahan 2

- D1 merancang pendapatan dan perbelanjaan (rancanglah pendapatan dan perbelanjaan) 2

Bahan 3

- E1 (saya) menyimpan wang saku 2
- E2 (kita) buka akaun di bank 2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, pengurusan kewangan perlu didedahkan agar masa depan terjamin. 2
- K2 Kesimpulannya, pengurusan kewangan perlu didedahkan. 1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT